



**INTERPRETASI POLITIK TEMPATAN DALAM UNGKAPAN “ADUHAI MALANGNYA PAK KADUK, AYAMNYA MENANG KAMPUNG TERGADAI”: ANALISIS PRAGMATIK**

*(Local Political Interpretation in “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai”:  
Pragmatic Analysis)*

Muhammad Zaid Daud<sup>1\*</sup>, Mary Fatimah Subet<sup>2</sup>, Awang Azman Awang Pawi<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pembelajaran Bahasa, Universiti Teknikal Malaysia Melaka, 76100 Durian Tunggal, Malaysia

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Malaysia

<sup>3</sup>Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [zaid.daud@utem.edu.my](mailto:zaid.daud@utem.edu.my)

Received: 23 March 2022 • Accepted: 18 May 2023 • Published: 30 April 2023

**Abstract**

*This study aims to analyse Pak Kaduk’s seloka line “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” in local politics scenario. The data of this study is a Malay classical poetry known as seloka Pak Kaduk which is obtained from an anthology entitled “Lukisan Zaman”. To further complement of the research, data was also taken from Facebook search engine which is confined to current issues related to local politics. To relate the data of this study, the researchers used a pragmatic approach: Relevance Theory by Sperber and Wilson (1986). The research found that, there are manifestations of criticisms of this line such as, “criticism of the attitude of someone who makes reckless decisions”, “criticism of a person who does not think about the decisions he make will cause others to suffer” and the “criticism of superiors using power or trickery to deceive subordinates”. In conclusion, the manifestation of criticisms of this line of seloka does not end at surface level only, but the meaning can be expanded in the current political context as well. It is hoped that this study can make the valuable oral literature of our ancestors as further reference in discussing the current local political situation as history proved that the history of a nation can as well be referred further by perusing the classical literature’ work.*

**Keywords:** Seloka Pak Kaduk; Current Political; Pragmatic Analysis; Relevance Theory

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis baris seloka Pak Kaduk “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai” dengan kancah politik tempatan. Data kajian ini diperoleh melalui antologi “Lukisan Zaman” dan enjin pencarian Facebook (isu semasa berkaitan politik tempatan). Bagi mempertalakan data kajian ini, pengkaji telah menggunakan pendekatan pragmatik: Teori Relevans oleh Sperber dan Wilson (1986). Hasil kajian mendapati bahawa, wujudnya manifestasi kritikan terhadap baris seloka ini seperti, “kritikan terhadap sikap seseorang yang membuat keputusan secara melulu”, “kritikan terhadap sikap seseorang yang tidak memikirkan keputusan yang diambilnya akan menyebabkan orang lain terkena tempias” dan “kritikan terhadap golongan atasan menggunakan kuasa atau tipu helah untuk memperdayakan orang bawahan”. Rumusannya, manifestasi kritikan terhadap baris seloka ini tidak terhenti pada peringkat permukaannya sahaja, namun maknanya dapat diperluas dalam konteks politik semasa. Kajian ini diharap dapat menjadikan khazanah lisan tinggalan nenek moyang ini sebagai rujukan lanjut dalam memperkatakan perihal suasana politik tempatan semasa. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah sesebuah negara itu juga boleh dirujuk melalui hasil kesusasteraannya.

**Kata kunci:** Seloka Pak Kaduk; Politik Tempatan; Analisis Pragmatik; Teori Relevans

**Cite as:** Daud, M.Z., Subet, M.F., Awang Pawi, A.Z. (2023). Local Political Interpretation in “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai”: Pragmatic Analysis. *Asian People Journal*, 6(1), 23-35.

## PENGENALAN

Pak Kaduk (PK) merupakan salah satu watak dalam cerita jenaka Melayu. Watak ini sering dikaitkan dengan sikap yang negatif. Winstedt (1969) telah menyifatkan watak PK sebagai “bodoh-sial”. Hal ini dikatakan demikian kerana watak PK digambarkan mempunyai sifat-sifat yang bodoh, tidak menggunakan otak fikirannya dengan waras serta terdorong kepada perasaan yang tamak dan ingin mendapatkan untung (Shaari, 1991). Oleh sebab, sikap sebegini PK telah hilang daya pemikirannya dan akhirnya ditimpa nasib yang malang. Namun begitu, satu penulisan terkini oleh Ismail et al. (2018) telah menyangkal dakwaan Winstedt (1969). Hal ini disebabkan oleh, watak PK tidak hanya merujuk kepada kelakuan negatif. PK turut menjelmakan sifat yang positif seperti “menurut perintah” dan “menepati janji”.

Menurut Ahmad dan Osman (2007) pula, watak PK yang terakam pada abad ke-19 adalah relevan dengan keadaan sosiopolitik orang Melayu pada abad ke-21. Watak PK sebenarnya terkandung unsur sindiran yang sinis atau tajam untuk ditujukan khas kepada pihak-pihak tertentu (Ahmad & Osman, 2007). Tambah Shaari (1991) dalam Daud et al. (2021), makna implisit yang disajikan dalam naratif PK dapat diperluas kajiannya seperti taktik dan strategi pengarang Melayu dalam menghadapi krisis politik dan pemerintahan semasa.

Skop kajian mengenai kancah politik dan pemerintahan adalah sangat luas. Pelbagai aspek telah ditelaah oleh pengkaji lepas. Antaranya, pilihan raya (Awang Besar et al., 2012; Sholikin, 2018; Aldaruqy, 2019; Mohamad Noor & Awang Besar, 2020; Hamid & Radzi, 2020), penglibatan wanita (Manas, 2008; Brown & Hattenstone,

2010; Aziz, 2020; Lee & Liang, 2020), penglibatan ketenteraan (Leni, 2013; Rani & Putera, 2016; Hamdi et al., 2018), peranan media dan literasi (Suprpto & Kariadi, 2017), agama atau spiritual (Amin & Mohamad, 2016; Haris, 2018; Yahya, 2018) serta karya kreatif (Rusli & Zali, 2020; Rusli, 2018; Norazizan & Annuar, 2018). Namun begitu, kajian-kajian ini lebih terarah kepada pengkajian politik dalam konteks semasa.

Bertitik tolak daripada kenyataan-kenyataan dan sorotan literatur inilah, pengkaji berpendapat perlunya satu kajian alternatif dalam mempertalikan watak PK dengan kancah politik tempatan. Maka, satu teori yang berwibawa diperlukan bagi menganalisis data kajian. Teori Relevans (TR) oleh Sperber dan Wilson (1986) mampu mengatasi ketaksaan makna implisit dalam seloka PK. Makna sebenar yang diinterpretasikan dalam seloka ini dapat membentuk manifestasi kritikan berpandukan konteks politik semasa.

## METODOLOGI KAJIAN







Kajian ini adalah berbentuk kualitatif sepenuhnya. Analisis teks dilakukan terhadap seloka PK yang diperoleh daripada antologi Lukisan Zaman oleh Shaari (1973). Keseluruhannya, seloka PK mengandungi 12 baris dan 44 patah perkataan. Berikut dilampirkan seloka PK:

**Aduhai malang Pak Kaduk,  
Ayamnya menang kampung tergadai,**  
Ada nasi dicurahkan,  
Awak pulang kebuluran,  
Mudik menongkah surut,  
Hilir menongkah pasang,  
Ada isteri dibunuh,  
Nyaris mati oleh tak makan,  
Masa belayar kematian angin,  
Sauh dilabuh bayu berpuput,  
Ada rumah bertandang duduk,  
Rumah runtuh awak menumpang.

Sumber: Shaari (1973)


Namun, sebagai batasan kajian pengkaji akan menganalisis baris seloka “Aduhai malangnya Pak Kaduk, ayamnya menang kampung tergadai”. Oleh sebab kajian ini adalah kajian kualitatif sepenuhnya, saiz sampel yang kecil antara satu hingga lima data kajian sudah mencukupi, asalkan sampel yang dipilih memenuhi kriteria pensampelan (Liamputtong, 2014).

Pertalian kancah politik tempatan dengan seloka PK pula, diperoleh daripada enjin pencarian *Facebook*. Pensampelan bertujuan dilakukan oleh pengkaji bagi menyaring data berkaitan kancah politik di Malaysia dengan baris seloka PK ini. Berikut dilampirkan contoh data kajian yang mempertalikan baris seloka PK dengan kancah politik tempatan:

<p><b>1.</b>  9 Jun 2019 · 🌐</p> <p>Anwar Ibrahim pun macam Pak Kaduk yang berlaga ayam juga sebenarnya.</p> <p><u>Ayamnya menang, tapi kampungnya yang tergadai.</u></p> <p>Anwar pula, partinya yang menang, tapi musuhnya yang jadi PM.</p> <p>kahkahkah.</p> <p>👍 Like    💬 Comment    ➦ Share</p> <p>👍👍👍 721</p> <p>58 shares</p>	<p><b>2.</b> </p> <p>Jangan berasa terlalu selesa bila mana kita lihat majoriti Melayu Islam yang menduduki kerusi di parlimen pada hari ini.</p> <p>Teringat kembali sewaktu pengumuman keputusan PRU13 di mana kaum Cina dengan fenomena 'Chinese Tsunami' yang menolak BN secara total dengan kawasan majoriti kaum Cina dimenangi DAP. Malahan, banyak kerusi Pakatan Rakyat berpihak kepada DAP berbanding PAS yang dilihat terlalu sedikit, menyebabkan kerisauan dalam kalangan orang Melayu pro-PR kerana kerusi DAP paling banyak dalam PR. Jangan disebabkan kesilapan kecil ini habis air setempayan dicurahkan akibat mendengar guruh di langit dan akhirnya jadilah seperti Pak Kaduk yang <u>ayamnya menang tapi kampungnya tergadai.</u></p> <p>Kita masih punyai masa untuk mengubahnya! #NAS</p>
<p><b>3.</b> </p> <p>...tujuan menyertai TPPA di Auckland, New Zealand.</p> <p>Ini merupakan cabaran akan datang bagi negara dan juga kita sebagai rakyat Malaysia.</p> <p>Kesan perjanjian ini berisiko samaada kita mampu atau tidak untuk menyertai kapitalism serantau yang akan dikawal oleh kuasa besar USA dan juga Eropah.</p> <p>Jangan salahkan sesiapa andai satu hari nanti Negara dan RAKYAT hanya menumpang di tanahnya sendiri. Ibarat pak kaduk, <u>ayamnya menang tapi kampungnya tergadai.</u></p> <p>Innalillah.</p> 	<p><b>4.</b> </p> <p>26 Apr 2019 · 🌐</p> <p>Ku sangka panas sampai ke petang, rupanya hujan di tengah hari. Aduhai malang nasib Pak Kadok. <u>Ayamnya menang, kampung tergadai.</u></p>  <p>👍👍👍 14    3 comments    1 share    132 views</p> <p>👍 Like    💬 Comment    ➦ Share</p>

Rajah 1: Contoh data kajian yang diperoleh daripada Facebook

Analisis pragmatik iaitu TR oleh Sperber dan Wilson (1986) dengan tataraca Subet (2018) dilakukan bagi menganalisis data kajian. Teori ini menekankan konteks, kesan kognitif dan usaha memproses supaya penginterpretasian makna seloka PK dengan kancah politik tempatan lebih mudah, sahih dan berwibawa. Kewibawaan TR dalam menganalisis makna implisit dalam kajian bahasa dan linguistik telah dibuktikan oleh pengkaji lepas (Subet, 2018; Ritos & Daud, 2020; Ishak & Wan Muhammad, 2021). Berikut dilampirkan kerangka teori dan penggabungjalnannya dengan kancah politik tempatan.



Rajah 2: Penggabungjalinan TR dengan baris seloka PK dan kancah politik tempatan

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini, pengkaji akan menganalisis baris seloka “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai” dengan kancah politik tempatan. Analisis dan perbincangan ini akan menerapkan analisis pragmatik yang terdiri daripada eksplikatur, bentuk logik, implikatur, andaian implikatur, kesimpulan implikatur jenis *ad hoc* dan Rangka Rujuk Silang. Berikut pula dilampirkan petikan-petikan dalam cerita jenaka PK sebagai maklumat tambahan bagi baris seloka “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai”:

### Petikan 1:

*SEBERMULA, maka adalah sebuah negeri bernama Cempaka Seri, rajanya bernama Indera Sari. Maka baginda itu cukup lengkap seperti adat istiadat kerajaan yang lain-lain juga, akan tetapi ada pun tabiat baginda itu **terlalulah suka menyabung dan berjudi**, sehingga menjadi suatu amalan pada baginda itu. Dengan hal yang demikian, habislah sekalian rakyat seisi negeri itu menjadi asyik leka dengan berjudi juga pada setiap masa; tiada sekali-kali mengambil bena kepada mendirikan syariat Nabi Sallallahu 'alaihi wa salam, kerana raja-raja dan orang besar-besarnya terlalu amat suka mengerjakan pekerjaan yang maksiat itu.*

*Maka adalah pula seorang tua sedang pertengahan umur, nama nya Pak Kadok, tinggal di tepi sungai ujung negeri itu juga. Ada pun akan Pak Kadok ini terlalu dungu serta dengan tololnya. Maka adalah kepada suatu hari Pak Kadok berkata kepada isteri nya, 'Aku ini, Mak Siti, ingin pula rasanya hendak pergi menyabung ke gelanggang baginda itu, kerana terlalulah suka pula aku melihatkan orang menyabung beramai-ramaian di situ. Mari kita sabung ayam biring Si Kunani kita itu, kerana ayam itu pada petuanya terlalu bertuah. **Boleh kita taruhkan kampung kita ini kepada baginda. Kalau menang kita, tentulah kita mendapat duit baginda itu.**'*

(Sumber: Yahya, 1973, hlm. 1)

### Petikan 2:

*Maka titah baginda, 'Cuba juga bawa kemari ayam Pak Kadok supaya beta lihat.'*

*Maka Pak Kadok pun segeralah menyembahkan ayamnya itu, lalu disambut oleh baginda serta diamat-amati. Diketahui oleh baginda tersangat bertuah ayam Pak Kadok itu. Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, mari kita bertukar ayam. Ambillah ayam beta ini, elok, cuba lihat romannya jalak putih mata, dan ayam Pak Kadok biring Si Kunani sahaja tiada berapa tuahnya.'*

*Setelah didengar oleh Pak Kadok akan titah baginda menggula dirinya itu, percayalah ia. Maka sembahnya, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, jikalau sudah dengan titah duli yang maha mulia, relalah patik, seperti titah itu sedia terjunjung di atas jemala ubun-ubun patik.'*

***Pada akhirnya lalu bertukarlah keduanya akan ayam masing-masing. Maka sangatlah sukacita baginda beroleh ayam Pak Ka dok itu.***

*Maka baginda pun bertitah kepada juaranya menyuruh bulang ayam itu. Maka Tok Juara Tua pun lalulah membulang ayam biring Si Kunani yang bertukar dengan Pak Kadok itu, mengena kan taji bentuk alang serta dengan berbagai-bagai isyarat dan petuanya. Maka Pak Kadok pun segeralah membulang ayamnya yang bertukar dengan baginda itu, yaitu tuntung tajinya di hala kan ke hadapan dan putingnya ke belakang.*

*Maka titah baginda, 'Hai Pak Kadok, apakah taruhnya kita menyabung ayam ini? Soronglah dahulu supaya beta lihat.'*

***Maka sembah Pak Kadok, 'Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, patik ini tiada apa harta yang ada, hanya kampung sebuah itu sahaja. Jikalau ada ampun dan kurnia ke bawah duli Tuanku, kampung itulah patik gadaikan ke bawah duli Tuanku menjadi tanggungan memohonkan berhutang kadar lima puluh rial.'***

*Maka titah baginda, "Baiklah."*

(Sumber: Yahya, 1973, hlm. 2-3)

### **Petikan 3:**

*Maka baginda pun lalulah menguja-uja ayam keduanya itu. Maka naiklah bengis keduanya, serta meremang bulu suak di tengkuknya, lalulah bersama-sama melepaskan ayam masing-masing. Maka ayam biring Si Kunani pun datanglah menggelepur ayam jalak. Dan Si Jalak pun segera membalas pula, tetapi kasihan! Sungguhpun Si Jalak membalas, percuma sahaja, kerana tajinya dibulang oleh Pak Kadok, juara tuntungnya ke hadapan dan pu tingnya ke belakang. Jadinya bila Si Jalak membalas itu tertikamlah pada dadanya sendiri lalu tersungkur menggelupur di tengah gelanggang itu, kerana dua liang sudah lukanya; sekali terkena tikam oleh taji Si Biring dan sekali ditikam oleh tajinya sendiri.*

***Setelah Pak Kadok melihatkan ayam jalak sudah mati dan Si Biring itu menang, maka ia pun lupalah akan hal ia telah bertukar dengan baginda tadi. Wah! Apatah lagi! Ia pun tiadalah sedarkan dirinya seraya bertepuk tangan dan bersorak serta melompat-lom pat lalu menyerukan tuah ayamnya itu. Maka oleh tersangat bertepuk dan melompat itu, habis pecah bercarik-carik seluar dan baju kertasnya itu,***

*bercabiran diterbangkan oleh angin berkeping keping ke sana kemari bercamping-camping. Maka Pak Kadok pun tinggallah berdiri di tengah khalayak yang banyak itu dengan ber telanjang bogel sahaja.*

*Hatta, demi dilihat oleh baginda dengan sekalian orang besar besar dan rakyat tentera hina dina sekalian akan hal Pak Kadok ini, semuanya tertawa serta bertepuk tangan dengan tempik so raknya kesukaan melihatan temasya Pak Kadok itu. Demikian juga baginda pun tertawa bersama-sama. Maka adapun akan Pak Kadok, demi ia melihat sekalian mereka itu habis tertawa, ia pun tercengang pula kerana pada sangkanya mereka itu menumpang kesukaan dirinya itu. Kemudian apabila ia menoleh kepada tubuhnya, baharulah diketahuinya akan dirinya bertelanjang bulat itu. Adohai! Malunya yang amat sangat, lalu ia berkejar lari de ngan bersungguh-sungguh hatinya, langsung pulang terus ke rumahnya. Maka baginda pun berseru dengan nyaring suaranya, **'Ini lah malang Pak Kadok, ayamnya menang, kampung tergadai.'***

(Sumber: Yahya, 1973, hlm. 4)

Jadual 1: Analisis TR “Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai”

Analisis TR		
<b>Eksplikatur:</b> Aduhai Malangnya Pak Kaduk, Ayamnya Menang Kampung Tergadai		<b>Bentuk Logik:</b> <u>Aduhai</u> – kata seru untuk melahirkan rasa sedih (memberi peringatan, menarik perhatian, rintihan dan sebagainya); <u>malang</u> – tidak bernasib baik, ditimpa kecelakaan, ditimpa bencana; <u>Pak Kaduk</u> – orang yang malang kerana kebodohnya; <u>ayam</u> – bentuk tubuhnya seakan-akan burung tetapi tidak boleh terbang; <u>nya</u> – kata ganti nama diri orang ketiga; <u>menang</u> – berjaya dalam perlawanan atau peperangan; <u>kampung</u> – kawasan kediaman (terdiri daripada sekumpulan rumah) di luar bandar, desa dan dusun; <u>tergadai</u> – sudah digadaikan, habis digadaikan.  <i>(Kamus Dewan Edisi Keempat, 2016)</i>
<b>Implikatur</b>	<b>Andaian Implikatur</b>	<b>Kesimpulan Implikatur</b>
ayamnya menang kapung tergadai	Raja menggunakan tipu muslihat untuk mendapatkan tanah/kawasan baharu.	Penjajahan baharu yang penuh tipu muslihat.
<b>Jenis Ad Hoc</b>		
Peluasan		

Berdasarkan petikan dalam cerita jenaka PK dan Jadual 1, analisis akan bermula dengan makna eksplikatur sebagai pemahaman bentuk logik pendengar. Hal ini selaras dengan skop semantik yang terhad pada makna luaran yang diujarkan. Pada tahap ini, frasa “ayamnya menang kapung tergadai” hanya boleh ditafsirkan sebagai sesuatu yang konkrit iaitu:

- (1) Syarat-syaratnya ialah: Ayam Kaduk hendaklah ditukarkan dengan ayam Sultan yang bernama Si Jalak Putih Mata. Pertaruhannya adalah kampung halaman dan isi rumahnya.

- (2) Tanpa berfikir panjang PK menerima syarat-syarat tersebut kerana sudah lama ia tidak menyabung ayam.
- (3) Sebagaimana yang dijangkakan pada peringkat awal, ayam PK yang ditukarkan dengan Sultan telah menang.
- (4) Dia lupa bahawa ayam itu telah menjadi milik Sultan. Setelah pengumuman dibuat barulah PK sedar bahawa dia telah dipermainkan oleh Sultan.
- (5) Maka dengan berpegang pada janji dan syarat penyabungan Kaduk terpaksa menyerahkan kampung halamannya, isteri dan anak perempuannya kepada Sultan, hanya yang tinggal pada Kaduk sehelai sepinggang dan seekor kucing kerana masa Sultan mengambil pertaruhan kucing tersebut tiada di rumah, kalau tidak semuanya akan menjadi milik Sultan.

Daripada ujaran (1) sehingga (5), pembaca/pendengar berupaya memahami naratif nasib malang Pak Kaduk secara literal. Proses ini akan mengaktifkan maklumat pembaca tentang frasa [AYAMNYA MENANG] dan [KAMPUNGNYA TERGADAI], iaitu bentuk logik yang kemudiannya dikukuhkan dengan maklumat ensiklopedik pembaca. Maklumat ensiklopedik atau pengetahuan umum ini mengandungi pelbagai jenis maklumat, termasuk andaian lazim informasi saintifik, kepercayaan dan kebudayaan, pemerhatian dan pengalaman peribadi seseorang (Carston, 2002). Maklumat ensiklopedik ini berbeza antara individu bergantung pada pelbagai aspek seperti umur, budaya, agama, taraf hidup, dan lain-lain. Proses pengukuhan ini dipamerkan seperti yang berikut:

- (6) AYAM: Maklumat ensiklopedik
- a. UNGGAS SEPERTI BURUNG TETAPI TIDAK BOLEH TERBANG
  - b. BOLEH DITERNAK ATAU HIDUP SECARA LIAR
  - c. DIGUNAKAN UNTUK PERMAINAN SAMBUNG/LAGA AYAM
  - d. TAJI AYAM DILETAKKAN DI KAKI AYAM
  - e. MEMPEROLEH HADIAH JIKA MENANG PERMAINAN SAMBUNG/ LAGA AYAM
- (7) MENANG: Maklumat ensiklopedik
- a. BERJAYA DALAM PERLAWANAN/PERPERANGAN
  - b. BERJAYA MENINDAS
  - c. MENDAPAT HADIAH/GANJARAN DARIPADA KEMENANGAN
  - d. BERKUASA
- (8) KAMPUNG: Maklumat ensiklopedik
- a. TEMPAT KEDIAMAN/TINGGAL
  - b. TENANG DAN DAMAI
  - c. MEMILIKI SISTEM ORGANISASI SOSIAL YANG TERSENDIRI
- (9) TERGADAI: Maklumat ensiklopedik
- a. HILANG HARTA BENDA/KUASA
  - b. MUSIBAH
  - c. KESEDIHAN
  - d. BERNASIB MALANG

Setelah melalui dua proses ini, masih terdapat kekaburan pada ujaran tersebut kerana makna yang dijana secara eksplisit masih tidak mencapai tahap relevan pada fikiran pembaca. Proses yang berlaku ini selari dengan proses penggabungan konteks, iaitu melihat ke arah ujaran terdahulu, termasuk ko-konteks yang menyumbang kepada kerelevanan teks. Seterusnya, konteks pemula juga berlaku dengan merujuk maklumat ensiklopedik. Hasil penyesuaian konteks wacana dan kesan kognitif, pembaca mengetahui bahawa wujudnya unsur implikatur dalam ujaran ini.

Analisis yang berikut menunjukkan cara pembaca membina andaian implikatur dan seterusnya membuat kesimpulan implikatur terhadap sesuatu ujaran yang mempunyai unsur metafora atau ketersiratan. Pembaca dengan mengambil kira prosedur pemahaman standard, mengeluarkan senarai andaian implikatur seperti dalam ujaran (1) sehingga (5) agar konseptual dapat diperolehi. Jadi, baris **Ayamnya menang, kampung tergadai** akan dibentuk andaian implikatur seperti yang berikut:

- i. Perlawanan laga ayam dimenangi oleh Pak Kaduk, tetapi kampungnya tergadai.
- ii. Sikap terdesak PK untuk melaga ayamnya.
- iii. Sikap kebodohan PK menyebabkan kampungnya tergadai.
- iv. Sikap tidak fikir panjang.
- v. Sepatutnya, PK yang memperoleh hadiah kerana memenangi perlawanan laga ayam dengan sultan.
- vi. Hubungan sultan dengan rakyat (PK).
- vii. Penipuan sultan untuk mendapatkan kawasan baharu.
- viii. Kemenangan dan perjanjian yang melampau dan tidak rasional.\*

Untuk memahami naratif PK ini, pembaca mengeluarkan andaian konseptual setakat yang mampu dibantu oleh kesan kognitif yang memadai, seterusnya memilih implikasi konteks sebenar yang disimpulkan daripada i, ii, iii, iv, v, vi, vii dan viii. Kesan kognitif ini terhasil daripada satu proses iaitu penggabungan, penguatan atau pengguguran maklumat. Berdasarkan proses ini, (viii) telah dipilih bagi mewakili implikatur bagi data kajian ini. Frasa “ayamnya menang, kampungnya tergadai” secara harfiahnya bermaksud seekor ayam yang dilagakan telah memenangi pertandingan sabung ayam. Tetapi, secara implisitnya akibat kebodohan tuannya yang tidak sedar akan perjanjiannya dengan sultan menyebabkan kampungnya tergadai.

Sehubungan itu, menurut ensiklopedik pembaca pada masa ini, naratif PK sabung ayam dapat dikaitkan dengan kancah politik tempatan. Berbekalkan enjin pencarian *Facebook* dapat menyerlahkan lagi kesinambungan naratif ini dengan kancah politik semasa. Rajah 1 menunjukkan beberapa contoh pertalian seloka PK dengan kancah politik tempatan yang diperolehi melalui enjin pencarian *Facebook*.

Perkara ini sekali gus membuktikan bahawa masyarakat umum di Malaysia dapat mengaitkan kesan kognitif dalam TR yang dianalisis sebentar tadi dengan proses penggabungan maklumat. Penggabungan maklumat dalam TR akan terjadi apabila andaian awal pembaca dapat digabungkan dengan maklumat baharu penutur. Tugas penggabungan dalam TR ini adalah untuk menghasilkan kesan kognitif yang dapat membantu pembaca memproses mesej penutur dengan lebih mudah dan berwibawa (Sperber & Wilson, 1986; Subet, 2018; Abdullah & Daud, 2020). Contohnya:



Rajah 3: Pertalian kancanh politik tempatan dengan naratif PK

Apabila diteliti dari sudut makna linguistik, pembaca mendapati bahawa makna dalam konteks ujaran ini adalah bersifat implisit. Oleh itu, *ad hoc* peluasan yang digunakan dalam ujaran ini hasil adalah daripada penggunaan bahasa figuratif “simile” iaitu “macam”.

Bagi menginterpretasikan kerelevanan ujaran ini dengan baris seloka PK, pembaca seharusnya mempunyai rujukan yang berasal daripada pengetahuan atau pengalaman sedia ada bagi mendapatkan kerelevanan yang optimum. Rangka Rujuk Silang dilakukan bagi memperoleh kesan kognitif berdasarkan ujaran tersebut:

*“Anwar Ibrahim pun \*\*\*macam Pak Kaduk yang berlaga ayam juga  
 sebenarnya, Ayamnya menang kampungnya yang tergadai.\*\*\*  
 Anwar pula, partinya menang, tapi musuhnya yang jadi PM. kakhakh.”*

Berikut merupakan andaian yang dibentuk oleh pembaca:

- i. Anwar Ibrahim (AI) tertipu/terpedaya dengan permainan politik Tun Mahathir (TM).
- ii. Strategi AI untuk menggunakan TM memakan diri, kerana TM lebih bijak memanipulasi keadaan.
- iii. AI kurang sokongan dalam Pakatan Harapan (PH) berbanding TM.

Andaian ini terbentuk oleh pembaca berdasarkan anteseden “Anwar pula, partinya menang, tapi musuhnya yang jadi PM”. Untuk meningkatkan kesan kognitif dan merendahkan usaha memproses pembaca, maka konteks dalam TR turut mengambil kira maklumat sejarah (Subet, 2018). Dengan mengambil kira konteks sejarah iaitu hubungan AI dan TM, AI dikatakan pengkritik TM yang lantang. AI menuduh parti politik pimpinan TM merancang untuk menjatuhkan gabungan pemerintah semasa dan membentuk pakatan baharu bagi menafikan peluang AI sebagai Perdana Menteri (Reuters, 2020).

Di sebabkan hubungan dingin antara TM dan AI seperti perselisihan faham dan pemecatan AI pada tahun 1998 semasa krisis kewangan Asia. AI mula menubuhkan gerakan Reformasi dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Namun begitu, pada tahun 1999 dan 2015 AI dipenjarakan kerana disabitkan kesalahan rasuah, liwat dan tuduhan ini dipercayai bermotifkan politik (Reuters, 2020). Tambah Reuters (2020), TM telah membentuk parti baharu (BERSATU) dan menyertai PH. Tahun 2018 pula, TM mengetuai PH dan memenangi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Dengan kemenangan ini, TM telah mendapatkan pengampunan diraja dan AI dibebaskan. Berpandukan manifestasi kritikan yang dicerna melalui baris seloka PK iaitu “kritikan terhadap golongan atasan menggunakan kuasa atau tipu helah untuk memperdayakan orang bawahan” dapat digabung jalinkan dengan maklumat baharu iaitu konteks politik tempatan. Contohnya isu penyerahan kuasa TM (golongan atasan) sebagai PM, kepada AI (golongan bawahan). Meskipun, AI adalah presiden PKR, tetapi kuasa TM sebagai PM adalah lebih tinggi daripadanya. Hajat AI untuk menjadi PM tidak dapat dipenuhi sekali lagi apabila berlakunya peristiwa “langkah Sheraton”.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa, makna sebenar baris seloka PK yang dicerna melalui TR dapat diperluas dengan konteks politik semasa. Kajian ini adalah kajian alternatif yang baharu dan rujukan pengkaji akan datang supaya menganalisis sastera rakyat berpandukan perspektif “multidisiplin”.

## RUJUKAN

- Abdullah, N. A., & Daud, M. Z. (2020). Pemaknaan semula sinonim leksikal “nepotisme” berteraskan data korpus: Analisis pragmatik. *LSP International Journal*, 7(1), 61- 79.
- Ahmad, H., & Osman, M. T. (2007). *Cerita jenaka Melayu*. Yayasan Karyawan.
- Aldaruyq, M. Z. (2019). Perilaku politik generasi milenial: Sebuah studi perilaku memilih (voting behavior). *Jurnal Psikologi Jambi*, 4(1), 10-15.
- Amin, R., & Mohamad, A. N. A. (2016). Benazir Bhutto dalam pembentukan peradaban Islam di Pakistan. *e-BANGI*, 11(1), 163-180.
- Awang Besar, J., Jali, M. F. M., Ibrahim, Y., Sidek, A. H., Amir, J., Fauzi, R., & Lyndon, N. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 9(2), 191-214.
- Aziz, J. B. (2020). Woman filmmaking in a Malay Muslim construct: A critical appraisal of Suhaimi Baba’s oeuvre. *Feminist Media Studies*, 20(8), 1298-1301.
- Brown, M., & Hattenstone, S. (2010). *Aung San Suu Kyi's tragic love and incredible life come to the big screen*. Guardian Press.
- Daud, M. Z., & Subet, M. F. (2021). Naratif Puteri Santubung dan Puteri Sejinjang mempertalikan politik tempatan: Analisis pragmatik. *Issues in Language Studies*, 10(1), 110-130.

- Daud, M. Z., Subet, M. F., & Pawi, A. A. A. (2021, September). "Aduhai malangnya Pak Kaduk, Ayamnya menang kampung tergadai" sebagai manifestasi kritikan dalam kancah politik tempatan: Analisis pragmatik [Paper presentation]. The 3rd International Conference on Language Studies (iCLS 2021) - "Language Sustainability: Reality, Challenges and Directions in the Digital Technology Era", Kota Samarahan, Sarawak.
- Hamdi, I. H., Jawan, J., & Efendi, D. (2018). Profesionalisme militari dan politik: Suatu analisis konseptual. *e-BANGI*, 13(1), 1-14.
- Hamid, M. F. A., & Radzi, H. (2020). Struktur tema dalam manifesto Pakatan Harapan Pilihan Raya Umum ke-14. *Jurnal Linguistik*, 24(1), 109-125.
- Haris, A. H. (2018). Ulama dan perjuangan politik: Peranan Masyumi terhadap penubuhan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1947-1948. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(3), 104-112.
- Ishak, M. K. A., & Wan Mohammad, W. M. R. (2021). Penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa Melayu tahap 1 sekolah rendah: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 4(1), 148-168.
- Ismail, M. S., Bakar, R. A., & Effendy, N. R. N. M. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296- 329.
- Jabar, N. A. (2019). Keunggulan ikon membawa teladan dalam seloka Melayu. *Jurnal Antarabangsa Persuratan Melayu*, 7(1), 172-191.
- Jabar, N. A., & Ghazali, M. F. (2021). Komunikasi bahasa sindiran dalam Seloka Pak Pandir dan Pak Kaduk. *Jurnal Komunikasi*, 37(1), 364-378.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lee, F., & Liang, H. (2020). Perceived threat of a linguistic community and context effect on attitude toward immigration in Hong Kong. *Asian Journal of Social Science*, 48(3-4), 250-273.
- Leni, N. (2013). Keterlibatan militer dalam kancah politik di Indonesia. *Jurnal Tapis: Jurnal Teropong Aspirasi Politik Islam*, 9(1), 31-45.
- Liamputtong, P. (2014). *Kaedah penyelidikan kualitatif*. Universiti Putra Malaysia Press.
- Manas, S. A. (2008). *Apa kata Islam mengenai wanita politik*. PTS Islamika.
- Mohamad Noor, K., & Awang Besar, J. (2020). Persepsi Terhadap Penurunan Had Umur Mengundi Daripada 21 Tahun Kepada 18 Tahun: Kajian Kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-20.
- Norazizan, N. A., & Annuar, S. N. S. (2018). Pengaruh politik dalam muzik indie di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1), 1-19.
- Rani, F., & Putra, A. F. P. (2016). Kebijakan luar negeri Korea Utara dibawah kepemimpinan Kim Jong UN dalam proliferasi nuklir terhadap Korea Selatan tahun 2013-2015. *Jurnal Online Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik*, 3(2) 1-10.

- Reuters, M. (2020, February 24). Kronologi hubungan Mahathir-Anwar. *Harian Metro Online*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/02/547870/kronologi-hubungan-mahathir-anwar>
- Ritos, S., & Daud, M. Z. (2020). Strategi penggantian disfemisme kepada eufemisme dalam komunikasi lisan masyarakat Bidayuh, Bau: Analisis pragmatik. *Asian People Journal*, 3(1), 64-83.
- Rusli, H. M. (2018). *Adaptasi kesusasteraan rakyat cerita jenaka Melayu dalam karya seni cetakan kontemporari* [Unpublished master's thesis]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Rusli, H. M., & Zali, A. A. (2020). Adaptasi kesusasteraan rakyat (cerita Si Luncai) dalam karya seni cetakan. *Ideology Journal*, 5(1), 43-56.
- Shaari, R. (1991). *Lukisan zaman*. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sholikin, A. (2018). Perbedaan sikap politik elektoral Muhammadiyah antara pusat dan daerah. *Jurnal Polinter Prodi Ilmu Politik*, 3(2), 1-22.
- Sperber, D., & Wilson, D. (1986). *Relevance: Communication and cognition*. Blackwell Publishers.
- Subet, M. F. (2018). Analisis teori relevans dalam metafora. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 159- 188.
- Suprpto, W. & Kariadi, D. (2017). Kontestasi etnis di kancah politik. *Jurnal Sosial Humaniora*, 8(2), 119-125.
- Winstedt, R. O. (1969). *A history of classical Malay literature*. Oxford University Press.
- Yahya, R. H. (1973). *Cerita jenaka*. Penerbit Fajar Buku.
- Yahya, S. A. (2018). *Politik dan dakwah dalam perjuangan Ikhwan al Muslimin di Mesir, 1970-1981* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Malaya).